

# Lawatan keempat Anwar ke Thailand

Lawatan kerja bermula hari ini cermin keakraban persahabatan dua negara

Daripada Wan Zairul Azri Wan Mohammad Sudin

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)  
di Bangkok



**Perdana Menteri**, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan lawatan kerja dua hari, ke sini bermula hari ini atas jemputan rakan sejawatannya dari Thailand, Paetongtarn Shinawatra.

Ia adalah lawatan keempat Per-

dana Menteri ke Thailand sejak menjawat jawatan itu pada November 2022.

Kuasa Usaha Sementara Malaysia ke Thailand, Bong Yik Jui, berkata lawatan yang disifatkan kerap itu mencerminkan keakraban persahabatan dua negara sebagai negara jiran dan negara pengasas ASEAN.

Dalam lawatan berkenaan, menurut Yik Jui, Anwar dijadual mengadakan pertemuan empat mata bersama Paetongtarn di Rumah Kerajaan.

Dalam mesyuarat itu, antara isu dijangka dibincangkan untuk mencari penyelesaian iaitu banjir di selatan Thailand dan utara Malaysia seperti kajian Sungai Golok di Kelantan yang mungkin menjadi punca banjir setiap tahun.

"Isu yang menjadi satu hasil kepada kerjasama Malaysia dan Thailand ialah pembinaah Jambatan Rantau Panjang yang me-

nyambungkan Rantau Panjang, Malaysia dan Sungai Golok, Thailand.

"Projek itu sekarang berada di tahap Perjanjian Pembinaan, iaitu Menteri Kerja Raya (Datuk Seri Alexander Nanta Linggi) dan Menteri Pengangkutan Thailand (Suriya Juangroongruangkit) akan membuat pertukaran Perjanjian Pembinaan (hari ini)," katanya dalam sidang media, di sini, semalam.

## Sentuh isu serantau, global

Katanya, antara isu lain bakal disentuh seperti keterhubungan sempadan, Kepengerusian ASEAN serta isu serantau dan global.

Kedua-dua Perdana Menteri juga dijangka menyusul hasil Rundingan Tahunan Malaysia-Thailand Ketujuh yang diadakan di Putrajaya pada 16 Disember tahun lalu.

Mengulas lanjut, Yik Jui ber-



Yik Jui pada sidang media di Bangkok, semalam.

(Foto BERNAMA)

kata, Anwar dijadual mengadakan pertemuan dengan Kumpulan Penasihat Tidak Rasmi kepada Pengerusi ASEAN terdiri daripada Thailand, Singapura, Filipina dan Indonesia, selain sesi libat urus bersama ketua industri Thailand.

"Seperti yang dimaklumkan Anwar sebelum ini, beliau dijangka berjumpa dengan Ketua Junta Myanmar, Jeneral Kanan Min Aung Hlaing dalam kapasiti beliau sebagai Pengerusi ASEAN. Bagaimanapun lokasi dan masa pertemuan belum ditentukan," katanya.

Perdana Menteri dijadual tiba di Terminal Udara Tentera 2 di sini kira-kira jam 1.05 tengah hari waktu tempatan.

Beliau akan diiringi Nanta; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz; Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Seri Amran Mohamed Zin serta Utusan Khas Pengerusi ASEAN mengenai Myanmar, Othman Hashim.

Pada 2024, Thailand ialah rakan dagang ketujuh terbesar Malaysia pada peringkat global dan ketiga terbesar dalam kalangan negara anggota ASEAN dengan jumlah dagangan RM114.56 bilion.

Dari Januari hingga Februari lalu, jumlah dagangan dua hala mencecah RM17.65 bilion berbanding RM16.80 bilion dalam tempoh sama pada tahun lalu.